

24/09/2000

Mahathir nafi dakwaan Lee

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan kenyataan bekas Presiden MCA, Tan Sri Lee San Choon, yang mendakwa beliau dianiaya Umno pada pilihan raya umum 1982.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata beliau sendiri berkempen untuk Lee pada pilihan raya itu sehingga beliau mengalahkan bekas Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin.

"Orang Melayu tidak beri sokongan, saya tidak mahu komen, tetapi saya sendiri kempen untuk Lee kalahkan parti lawan (DAP).

"Saya ingat ucapan saya pada masa itu, Lee tidak payah jerit beritahu saya (orang Melayu tak sokong) kerana dia boleh bisik sebab dia duduk di sebelah saya ketika itu," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Lee dalam temu ramah dengan edisi bahasa Cina majalah Asiaweek. Antara lain, Lee yang juga bekas Menteri Pengangkutan mendakwa Umno menikamnya dari belakang dengan tidak memberi undi orang Melayu di Seremban pada 1982, dengan tanggapan "kerana mereka tidak suka dengan apa yang saya lakukan".

Pada pilihan raya itu, Lee menewaskan Chen dengan majoriti 845 undi.

Sementara itu, mengenai Sekolah Wawasan, Dr Mahathir berkata rancangan menempatkan sekolah itu di kawasan yang sama bertujuan merapatkan jurang perbezaan antara pelajar pelbagai kaum.

Katanya, pendekatan itu amat sederhana kerana setiap sekolah masih berasingan, hanya perhimpunan dan sukan akan diadakan bersama.

"Semua ini untuk mengintegrasikan kaum melalui penempatan sekolah bersama dan bukan mengasimilasi kaum lain. Di negara lain, anda (kaum mendatang) terpaksa diasimilasi dengan penduduk asal, tetapi di Malaysia kita tidak minta asimilasi," katanya.

(END)